

Projek Pembangunan Infrastruktur Asas Luar Bandar Hampir Sempurna-Shafie Apdal Bernama 9 April, 2012

KUANTAN, 9 April (Bernama) -- Projek-projek Pembangunan Infrastruktur Asas Luar Bandar di bawah inisiatif Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) hampir sempurna dilaksanakan, kata Menteri Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Seri Mohd Shafie Apdal.

Beliau berkata projek empat sektor infrastruktur yang dilaksanakan iaitu pembinaan jalan raya, pembekalan air bersih, pembekalan elektrik dan projek perumahan telah berjaya melepasi sasaran rancangan projek di bawah NKRA dalam menyediakan infrastruktur asas luar bandar di seluruh negara.

Dalam tempoh dua tahun pelaksanaan NKRA sehingga 31 Jan lepas, beliau berkata Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah (KPLBW) telah membina jalan luar bandar sepanjang 1,875.87 kilometer di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak berbanding sasaran ditetapkan iaitu 1,684 kilometer.

"Daripada segi bekalan air bersih, kita berjaya menyediakannya kepada 112,451 buah rumah di seluruh negara berbanding sasaran 128,266 buah dan sebanyak 55,226 buah rumah pula dibekalkan dengan elektrik berbanding sasaran 51,588 buah rumah," katanya ketika berucap merasmikan Mesyuarat Penyelarasan Pembangunan Daerah Siri 1 Tahun 2012 di sini, pada Isnin.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=657838>